

12 FEB 2001

Mahathir-pendidikan/(Bergambar)

ETIKA BARU HARUS DILAKSANAKAN DALAM PENDIDIKAN, KATA PM

Oleh: Haryati Karim

KOTA KINABALU, 12 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kod etika dan moral baru harus diwujudkan bagi memastikan pendidikan dan maklumat dapat memberikan manfaat kepada orang ramai.

Beliau berkata dalam kehairahan menjadi masyarakat global bermaklumat, persoalan etika dan moral harus diambil kira.

"Kecuali kita diajar bagaimana untuk mengendalikan maklumat dengan betul, pengetahuan akan memberikan keburukan kepada kita," katanya semasa merasmikan persidangan ke-36 Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kemajuan yang dicapai oleh teknologi maklumat (IT) telah membuatkan lokasi pusat-pusat pembelajaran kurang relevan.

Maklumat yang dirakamkan boleh diperolehi dengan bebas tanpa mengira tempat, katanya.

"Dikatakan sesiapa pun boleh belajar cara membuat bom nuklear daripada maklumat yang boleh diperolehi melalui Internet," katanya.

Seseorang itu tidak dapat menghalang era maklumat, katanya.

"Jika kita menolak pengetahuan, kita akan didominasi oleh mereka yang mempunyai pengetahuan, seperti juga globalisasi, penglobalan pengetahuan tidak dapat dielakkan, jika kita menolaknya risikonya adalah pada kita sendiri," katanya.

Beliau berkata etika dan moral harus diajarkan sebagai matapelajaran wajib kepada setiap orang.

Berkaitan SEAMEO, Dr Mahathir berkata pertubuhan itu perlu terus dinamik bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam abad ke-21.

"Terdapat keperluan segera bagi kita untuk melaksanakan dasar-dasar strategik bagi menghadapi globalisasi yang pelbagai bentuk dan permintaan terhadap sumber kita melalui ICT (maklumat, komunikasi dan teknologi)," katanya.

Dr Mahathir berkata SEAMEO telah berjaya mencapai matlamat, sejak mula ditubuhkan pada 1965, dan matlamatnya masih relevan hingga sekarang.

Bagaimanapun, strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat itu mungkin perlu diubah kerana perubahan keperluan dan permintaan baru, katanya.

Sebagai contoh, SEAMEO boleh memainkan peranan penting menyusun semula sistem pendidikan, bagi memenuhi permintaan sumber manusia dalam bidang E-perniagaan dan E-ekonomi.

Dr Mahathir juga mencadangkan 14 Pusat Serantau SEAMEO mengkaji cara-cara untuk membantu negara-negara anggota pertubuhan itu mewujudkan Pusat Kecemerlangan mereka sendiri, yang dapat memenuhi keperluan negara-negara anggota tersebut.

Ini kerana SEAMEO mengandungi anggota-anggota yang berlaian sosio ekonomi dan peringkat kemajuannya.

"Oleh itu, cabaran pertama bagi kita adalah untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara negara anggota SEAMEO, kecuali kita dapat mengurangkannya, kuasa global akan menambah lagi jurang tersebut," katanya.

Beliau berkata terdapat juga keperluan untuk memahami kuasa-kuasa terbabit, yang secara amnya dipanggil "globalisasi", dan bagaimana menangani penyalahgunaannya.

"Tidak dapat dinafikan peningkatan intergrasi ekonomi, keterbukaan ekonomi dan saling pergantungan ekonomi adalah perkara baik, tetapi ia

jangan dilakukan dengan cara yang memudaratkan jiran-jiran yang kekurangan sumber untuk bersaing di pasaran terbuka.

"Globalisasi hanya akan memberi manfaat, jika kita mempunyai keupayaan yang sama untuk bersaing," katanya.

SEAMEO yang dianggotai oleh negara-negara Asean ditubuhkan dengan matlamat untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan, sains dan budaya di rantau ini.

Enam negara bersekutunya ialah Australia, Kanada, Perancis, Jerman, Netherlands dan New Zealand, dan anggota gabungannya ialah

-- Majlis Antarabangsa bagi Pembelajaran Terbuka dan Pendidikan Jarak Jauh (ICDE).

--BERNAMA

HAK RI